

Australia mulakan perang diplomatik

Oleh Hambali Latiff

B.H 25 NOV 1993

lagi

SUKAR bagi menyukai Australia. Sudah dicuba dalam apa bentuk sekali pun, nampaknya *'very difficult to love them'*. Begitu lah kata-kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambung 'perang diplomatik' Malaysia-Australia sebagai membalas kritik Perdana Menteri Australia, Paul Keating, terhadapnya Ahad lalu.

Jika sebelum ini perang lebih dikaitkan dengan kumpulan atau pertubuhan bukan kerajaan, pihak media dan pihak tertentu umpamanya mengenai isu hutan tropika, hukuman gantung terhadap pengedar dadah atau siri televisyen *Embassy* dan filem *Slow Boat to Surabaya* dan *Turtle Beach*, tetapi kali ini nampaknya ia berada di tahap paling tinggi — Perdana Menteri kedua-dua negara.

Dr Mahathir dengan nada serius berkata lagi: "Mereka (wartawan Australia) kurang sopan... itu lah sebab saya kata mereka tidak mempunyai sifat-sifat orang Asia dan dengan ini kenyataan bahawa mereka sekarang adalah sebuah negara Asia tidak bermakna sama sekali."

Kata-kata ini menjelaskan lagi kemarahan Perdana Menteri terhadap wartawan negara itu yang mengkritik beliau kerana tidak menghadiri sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle baru-baru ini. Dr Mahathir pada akhir Julai 1991 pernah menyebut kebebasan akhbar Australia tidak bermakna apabila menyiarkan cerita bohong semata-mata untuk memburukkan orang lain.

Perdana Menteri berasakan tidak adil beliau dikritik oleh Australia kerana sejauh ini, pandangan serta sikap Malaysia lebih ditujukan kepada Amerika dan Bill Clinton.

Ketika Dr Mahathir dan Clinton hampir pasti mengadakan sidang kemuncak mereka berdua apabila Presiden Amerika itu mengatakan akan bertemu Perdana Menteri suatu hari nanti, media Australia dan Keating pula seperti kecewa dengan kesan sidang tidak rasmi

Apec di Seattle itu.

Lebih mengecewakan Keating, mungkin disebabkan Clinton tidak menaruh dendam terhadap sikap Dr Mahathir yang mengkritik Clinton beberapa kali, khususnya dalam usaha Amerika mengadakan sidang itu, selain mencadangkan Apec menjadi suatu pasaran bersama Asia Pasifik.

Australia nampaknya tidak peka dengan kebimbangan Malaysia bahawa Washington mungkin menggunakan Apec untuk dijadikan alat dalam rundingannya dengan Kesatuan Eropah (EC) bagi mencapai persetujuan rundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay.

Dr Mahathir menyatakan beliau kesal dan kurang faham dengan sikap Australia yang lebih marah daripada Amerika kerana beliau tidak pergi ke Seattle. Perdana Menteri berasakan ia adalah masalah Amerika Syarikat kerana negara itulah, bukannya Australia, yang menjemput beliau untuk menghadirinya.

"Tapi nampaknya Australia lebih marah daripada Amerika kerana saya tidak pergi dan memaki saya, mencerca dan macam-macam. Apa jenis wartawan yang sanggup menggunakan perkataan buruk terhadap saya semata-mata kerana saya tidak ke Amerika?"

Dalam konteks negara di Asia Tenggara khususnya Asean, apabila Keating mengambil alih kepemimpinan Canberra daripada Bob Hawke, yang dikatakan kurang menumpukan kepada kepentingan Asia, khususnya Asia Tenggara, harapan tinggi menggunakan hubungan yang sentiasa keruh kedua-dua negara akan dapat dipulihkan. Lagipun, Keating menunjukkan sikapnya yang lebih menumpukan kepada kepentingan Asia, khususnya dasar-dasar yang dianggap 'menoleh ke Asia'.

Dengan kata lain, harapan lebih tinggi diletakkan kepada Keating walaupun Hawke sebenarnya sudahpun melakukannya sesuatu untuk memulihkan hubungan

yang dingin di antara Malaysia dan Australia.

Walaupun beliau dikedah di Parlimen kerana sanggup membuat 'urusan luar biasa' bagi menghangatkan hubungan kedua-dua negara, ternyata Hawke akhirnya sedar perlunya hubungan yang renggang seketika dipulihkan kembalinya.

Namun ternyata, Keating tidak menyanjung apa yang dibuat oleh Hawke dan melihat Asia bukan dalam bentuk kepentingan diplomasi serta merapatkan budaya rakyat kedua-dua negara sebaliknya lebih kepada satu rancangan nekad iaitu ekonomi dan pasaran semata-mata.

Kerana itu Canberra ketika kepemimpinan Keating turut tidak mepedulikan perasaan jiran terdekatnya — Indonesia — apabila mengkritik cara Jakarta menangani sesuatu isu. Akibatnya, Jakarta-Canberra sering kecam mengecam di antara satu dengan lain.

Pemerhati juga menaruh harapan tinggi apabila Keating mula membuang sikap pemimpin lama negara itu yang lebih mementingkan hubungan dengan Britain dan Eropah Barat. Tetapi ternyata mereka tersilap teka kerana selepas meninggalkan 'sahabat karibnya' itu, Keating menjadikan Amerika sebagai model, semata-mata mem-

punyai hasrat menjamin cita-cita tunggalnya tercapai iaitu mewujudkan pasaran besar melalui Apec membabitkan dua bilion pengguna dan menghasilkan separuh daripada pengeluaran dunia.

Daripada sikap yang sukar diramal (Paul Keating adalah pemimpin yang dianggap *low profile*) tiba-tiba beliau menyerlahkan pendiriannya yang sebenar di Beijing, 25 Jun lalu, apabila menentang secara jelas Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tajaan Dr Mahathir dengan alasan Apec mempunyai asas dan sandaran lebih besar.

Keating menganggap EAEC membelakangkan Amerika yang menjadi pasaran utama kebanyakan negara di Utara dan Tenggara Asia. Kerana itu beliau tidak nampak keuntungan yang boleh didapati berbanding Apec.

Pada praktikalnya, menurut Keating cadangan EAEC lebih menawarkan kepemimpinan *de facto*, dari segi ekonominya menyerahkan kawasan lebih banyak kepada pengaruh Jepun.

Sikap 'membuang British dan Eropah tetapi mendekati Amerika' bukan saja ditunjukkan melalui usaha Keating menjadikan negaranya sebuah republik serta menggugurkan bendera Union Jack British dari

sudut bendera mereka tetapi turut menyokong generasi muda Australia lebih mirip kepada budaya Amerika.

Disebabkan terlalu taksub kepada Amerika dan kecewa Pasaran Pasifik yang dicadangkan olehnya tidak diberikan perhatian serius oleh Dr Mahathir mungkin, menjadikan Keating bertambah marah.

Sebelum berlepas dari Seattle Ahad lalu, ketika ditanya sama ada Apec tidak boleh mengharap Dr Mahathir, Keating enggan mengulas panjang. "Saya tidak tahu dan saya tidak peduli... Saya dah jemu menjawab soalan mengenai Dr Mahathir."

Ucapannya itu dilaporkan secara meluas di akhbar-akhbar utama Australia.

Sebaliknya di Kuala Lumpur, Dr Mahathir pula berpendapat: "Apakah setiap kali saya dijemput, saya mesti bergegas untuk pergi?"

Suatu hal menarik ketika sama-sama menghadiri mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Cyprus, Oktober lalu dan ketika pertemuan pertama kedua-dua pemimpin ini, soal Apec menjadi perbincangan mereka. Dr Mahathir mengatakan perbincangannya dengan Keating berjalan dalam suasana yang baik dan

Keating menyatakan pandangan Australia mengenai Apec dan sebaliknya.

Dr Mahathir dengan berhati-hati mengatakan Keating ada menjelaskan kepadanya mengenai perubahan dasar Amerika sejak Clinton mengambil alih pentadbiran Rumah Putih.

Tetapi Dr Mahathir turut mengatakan bahawa dia boleh jumpa Clinton lain kali, tidak semestinya di Seattle. Berikutan itu pegawai tinggi Australia yang ditanya sama ada Keating memujuk Dr Mahathir supaya pergi ke Seattle mengatakan Perdana Menteri mereka tidak melakukan sedemikian.

Tapi dengan menjelaskan bahawa Washington sudah mengubah dasarnya, apakah tujuan Keating sebenarnya?

Walau apapun hakikatnya, sidang Seattle dianggap kurang berkesan tanpa Dr Mahathir. Malah, diplomat Australia sendiri ada mengatakan kepada saya (penulis) bahawa tanpa Dr Mahathir, sidang tidak akan berkesan kerana beberapa sebab: Pertama, Dr Mahathir memang diakui perunding yang tegas dan mampu menyediakan alasan kukuh; kedua, beberapa pemimpin yang menghadiri Apec lebih berminat 'mendapatkan sesuatu' daripada sidang untuk ke-

pentingan negara mereka semata-mata; ketiga, ada kalangan pemimpin yang tidak berupaya berunding secara terus kerana masalah bahasa dan kesenjangan kepentingan yang begitu meruncing antara negaranya dengan Amerika, seperti syarat-syarat yang ditetapkan bagi menjayakan rundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay; dan, keempat, rundingan sehari serta tidak rasmi lebih bersifat 'sesi foto' semata-mata.

Lebih daripada itu, pegawai-pegawai tinggi Jepun di Tokyo mengatakan Dr Mahathir adalah antara segelintir pemimpin yang berupaya berdebat dengan Clinton kerana Perdana Menteri bercajak dengan 'nada Asia' dan memperjuangkan suatu 'gagasan ekonomi Asia Timur' bukan semata-mata kepentingan Malaysia yang kini dihormati mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

Dengan sikap Keating dan laporan sedemikian, sudah pasti amat mengecewakan apabila Australia yang sering mengatakan mahu memberikan tumpuan lebih besar kepada Asia mengkritik Ma-

laysia yang juga meletakkan Asia dalam setiap kepentingan ekonominya.

Australia mungkin kini terlupa bahawa 75 peratus daripada eksportnya adalah ke negara-negara dalam lingkungan Asia dan angka itu dijangka meningkat selepas sidang Seattle minggu lalu. Keating yang sering melafazkan 66 peratus eksport Apec adalah di kalangan negara-negara anggota berbanding Kesatuan Eropah (EC) sejumlah 61 peratus dan Nafta 42 peratus.

Mungkin menyedari kata-kata buruk sedemikianlah, Menteri Luar Australia, Gareth Evans berusaha memujuk Kuala Lumpur dengan harapan Dr Mahathir memahami kenapa Keating membuat kenyataan sedemikian. Evans menyalahkan media Australia kerana mengapi-apikan Keating yang menyebabkan beliau membuat pendirian sedemikian.

Kita hanya berharap lebih ramai pemimpin seperti Court supaya Australia bukan saja berasakan ia wujud di Asia di segi geografinya tetapi juga semangat dan cita-cita diplomasi dan ekonominya!